

Headline	TNB tingkat pegangan saham dalam JEVH		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	04 Aug 2020	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	28
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 17,299		



## TNB tingkat pegangan saham dalam JEVH

**TENAGA Nasional Berhad (TNB)** mengambil alih kesemua lima peratus saham biasa dalam Jimah energy Ventures Holdings (JEVH) Sdn Bhd dan lima peratus Nota Kelas B dikeluarkan Special Power Vehicles Berhad (SPVB) bernilai RM80 juta daripada Menteri Besar Negeri Sembilan (Perbadanan).

Susulan itu, TNB kini memiliki 25 peratus ekuiti, masing-masing dalam saham biasa JEVH dan Nota Kelas B SPVB.

Sementara baki 75 peratus saham dan Nota Kelas B masing-masing dipegang oleh anak syarikat Edra Power Holdings Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pengambilalihan menyaksikan TNB memperkuuhkan portfolio penjanaan tenaga di Semenanjung Malaysia.

“Pertambahan pegangan dalam JEVH boleh membawa pulangan positif kepada pendapatan TNB dan akan menambah nilai bagi pihak berkepentingan TNB dalam jangka masa panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian pengambilalihan saham biasa dalam JEVH dan Nota Kelas B yang dikeluarkan SPVB di Seremban,



Aminuddin (tiga dari Kiri) dan Amir Hamzah Azizan (empat dari kanan) menunjukkan dokumen jual beli pada majlis menandatangani perjanjian untuk mengambil alih saham biasa dalam JEVH dan Nota Kelas B di Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Negeri Sembilan baru-baru ini.

Jual beli ditandatangani oleh Amir Hamzah dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Hadir sama, Ketua Pegawai Penjanaan Tenaga, Datuk Nor Azman Mufti; Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman dan Setiausaha Syarikat, Norazni Mohd Isa.

JEVH buat masa ini memegang 100 peratus pegangan ekuiti dalam JEVH Sdn Bhd, sebuah syarikat kegunaan khas diwujudkan untuk pembangunan dan operasi Stesen Janakuasa Arang Batu berkapasiti

2x700 MW dengan kontrak Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) selama 25 tahun.

Stesen itu terletak di Mukim Jimah, Port Dickson, bersebelahan Stesen Janakuasa Tunku Mukhriz yang berkapasiti 2x1000 MW yang mana TNB mempunyai 70 peratus kepentingan di dalamnya.

Sehingga Tahun Kewangan 2019, kapasiti penjanaan TNB merangkumi 45.66 peratus (6895.37MW) daripada arang batu, 33.17 peratus (5009.91MW) daripada gas dan 21.17 peratus (3196MW) daripada tenaga boleh diperbaharui.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Edra Power Holdings Sdn Bhd (Edra Power Holdings Sdn Bhd)	1	0	RM 0
Industry News - Energy Commission (EC) (Industry News -	2	0	RM 0
Industry News (SEDA) (Industry News (SEDA) - Hydroelectricity)	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	11	0	RM 0